

Personaliti Bapa Menurut Perspektif Islam dan Aplikasinya dalam Keluarga Father's Personality According to Islamic Perspective and His Application in The Family

IZZAH NUR AIDA ZUR RAFFAR
SALASIAH HANIN HAMJAH

ABSTRACT

As the head of the family, father has a great responsibility. Hence he should show the best example for his children and wife. However, nowadays there are various crises which occurred within family that tend to be associated with the issue of bad personality of the father such as hot-tempered, incest, physical abuse, and neglecting his role as breadwinner for the family. Therefore this study aims to examine the characteristics of father's personality from the perspective of Islam and applied in family life. This study adopted a survey method, utilizing questionnaire as the instrument which was distributed to 220 respondents consisting of fathers who participated in parenthood program in NPFDB and Social Welfare Department. The data was analysed by mean of descriptive statistics technique using SPSS software version 22. Results of this research show that the characteristics of father personality that comply with Islamic perspective include being responsible in reciting azan, performing tahnik, giving the good name for their child as well as performing aqiqah for a new born child, being patient and sincere in fulfilling the role as the breadwinner of the family, educate and deliver da'wah to the children, exhibit good examples, being just, treating children with love and concern about the child's development. The findings also clearly show that fathers understand responsibility as a father and apply the elements that father should have in their family. The implication of this study can help fathers in strengthening their fatherhood personality towards the wellbeing of the family and Muslim community. In addition, this study can provide knowledge contributions to responsible authorities such as NPFDB, Social Welfare Department (SWD) and other similar bodies in managing family affairs in Malaysia.

Keywords: Personality; father; Islamic perspective; application; family

ABSTRAK

Bapa sebagai ketua yang memimpin keluarga seharusnya menjadi 'role model' kepada isteri dan anak-anak. Personaliti bapa yang baik dapat menjamin kesejahteraan dalam keluarga. Namun ada dalam kalangan bapa yang gagal menunjukkan contoh teladan yang baik kepada keluarga dengan mempamerkan sifat-sifat pemarah, memukul isteri, merogol anak dan seumpamanya. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi mengkaji ciri-ciri personaliti bapa menurut perspektif Islam dan mengenal pasti ciri-ciri personaliti yang diaplikasi oleh bapa dalam kehidupan berkeluarga. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Seramai 220 orang responden dalam kalangan bapa telah dipilih secara rawak berlapis di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Data dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS versi 21. Hasil kajian berjaya membentuk indikator bapa yang baik daripada perspektif Islam seperti bertanggungjawab terhadap anak yang baru dilahirkan, sabar dan ikhlas mencari rezeki dan memberi nafkah, membimbing dan mendidik, berdakwah 'amar makruf nahi mungkar,' mempamerkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak, adil, penyayang dan prihatin terhadap perkembangan anak-anak. Hasil kajian juga secara jelas menunjukkan para bapa faham tentang tanggungjawab sebagai seorang bapa dan mengaplikasikan elemen-elemen yang seharusnya dimiliki oleh bapa menurut Islam dalam keluarga mereka. Implikasi kajian dapat membantu bapa mengetahui dan mengamalkan personaliti baik yang amat dituntut dalam Islam ke arah membina keluarga yang sejahtera. Di samping itu, kajian ini dapat memberi input dan sumbangan ilmu kepada pihak bertanggungjawab seperti LPPKN dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menguruskan hal ehwal kekeluargaan di Malaysia.

Kata kunci: Personaliti; bapa; perspektif Islam; aplikasi; keluarga

PENGENALAN

Bapa adalah ketua dalam keluarga (Ratna Roshida & Nik Haslinda 2007) yang bertanggungjawab memberi nafkah, kasih sayang, perlindungan, pendidikan dan bimbingan kepada anak-anak dan

isteri dalam keluarga (Adnan Hasan 1991; Heman Elia 2000). Hal ini disebabkan Allah SWT telah mengangkat kedudukan kaum lelaki berbanding kaum wanita dengan beberapa potensi dan keistimewaan sebagaimana disebutkan dalam firman-Nya menerusi surah al-Nisa' (4: 34):

Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.

Berdasarkan ayat di atas Sayyid Qutb (2000) menjelaskan dalam tafsir *Fi Zilāl al-Qur'an* bahawa lelaki dibekalkan dengan ciri-ciri keberanian, kekuatan, emosi yang terkawal, reaksi yang perlahan, menggunakan kesedaran dan fikiran sebelum bertindak dan memberi reaksi. Zulkifli al-Bakri (2010) juga turut menyatakan bahawa Allah SWT telah menganugerahkan potensi kepimpinan kepada lelaki seperti keberanian, kekuatan agama, akal, rasional, tidak mudah didorong oleh perasaan, manakala wanita pula berjiwa sensitif dan mudah tersinggung. Sehubungan itu, sesuai dengan potensi dan penghormatan yang begitu tinggi diberikan kepada kaum lelaki iaitu bapa, maka beliau berkewajipan untuk menguruskan keluarga serta mengatasi persoalan dan krisis yang timbul di dalam rumah tangga dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan.

Dalam menguruskan keluarga, aspek personaliti bapa amat penting diberi tumpuan disebabkan personaliti bapa yang baik mampu membina sebuah keluarga bahagia. Pemerhatian terhadap hasil kajian lepas membuktikan personaliti bapa dapat memberikan kesan positif kepada perkembangan anak-anak (Brobeg 1988; Balan & Rahimah 2010). Azizi Yahya (2010) menyatakan bahawa kewibawaan dan keteladanan ibu bapa dalam keluarga sangat menentukan pembentukan nilai-nilai agama, moral, sosial dan disiplin diri anak-anak. Manakala, ikatan dan kawalan keibubapaan juga dapat membentuk personaliti yang baik dalam kalangan anak-anak serta konsep kendiri yang jitu (Zakiyah & Ismail 2004).

Secara ringkas, personaliti dapat difahami sebagai organisasi dinamik dalam diri yang terdiri daripada sistem psikologikal dan fizikal yang menentukan penyesuaian kepada persekitarannya (Waren & Carmichael 1930). Manakala, personaliti dalam konteks Bahasa Arab dan perspektif Islam pula lebih merujuk kepada sahsiah atau akhlak (Abd. Rauf et al. 2005; al-Mawrid 2005; Shahabuddin & Rohizani 2007 & Habibah & Noran Fauziah 2006). Ibn Manzur (t.th) dalam kitab *Lisān al-Arāb* menyatakan personaliti atau dikenali dengan akhlak bermaksud tingkah laku seseorang yang telah menjadi tabiat dan merupakan satu gambaran bagi menunjukkan zahir dan batin seseorang. Namun, dimensi rohaniah adalah lebih penting kerana ia menjadi punca kepada semua perbuatan yang dilakukan manusia (Mohd

Nasir 2005). Jelas bahawa personaliti dalam Islam adalah merujuk terhadap aspek akhlak, sahsiah, peribadi, nilai dan kognitif individu yang melahirkan tindak tanduk luaran seseorang secara lebih jelas, namun punca utama pembentukan personaliti Islam adalah berpandukan keadaan dalaman dan jiwa individu (Izzah Nur Aida & Salasiah 2015). Oleh yang demikian, bapa perlu mengenal pasti personaliti *mahmudah* dan terpuji untuk diamalkan agar kesejahteraan keluarga tercapai. Persoalan seperti apakah ciri-ciri personaliti bapa daripada perspektif Islam? dan adakah ciri-ciri personaliti bapa tersebut diaplikasi oleh bapa dalam keluarga? perlu diselesaikan melalui objektif kajian dalam artikel ini iaitu mengkaji ciri-ciri personaliti bapa daripada perspektif Islam serta mengenal pasti pengaplikasian ciri-ciri personaliti bapa tersebut dalam keluarga.

PERSONALITI BAPA

Isu berkaitan personaliti bapa menurut perspektif Islam adalah antara isu yang perlu diberi perhatian serius dalam membina keluarga bahagia dan masyarakat sejahtera. Perkara ini perlu dititikberatkan dalam keluarga khususnya bagi menghindarkan pelbagai masalah yang berkaitan rumah tangga dan kekeluargaan. Adalah mengecewakan apabila masih ada dalam kalangan para bapa yang gagal memimpin keluarga ke arah keluarga bahagia lantaran kegagalan mereka menjadi contoh teladan yang baik kepada keluarga yang dipimpin. Sebagai contoh, kes penderaan fizikal kanak-kanak yang dilakukan oleh bapa semakin meningkat. Pada tahun 2012, sebanyak 285 kes dilaporkan, namun bagi tahun 2013, ia meningkat menjadi 295 kes penderaan. Manakala, sejumlah 178 kes penderaan kanak-kanak dicatatkan di seluruh negara dalam tempoh Januari hingga Jun tahun 2014 yang lalu. Daripada jumlah itu, 165 kes telah dilaporkan berlaku di rumah kanak-kanak itu sendiri akibat didera ibu bapa kandung dan ahli keluarga. Berdasarkan siasatan yang dilakukan terhadap suspek iaitu ibu bapa dan penjaga terbabit dipercayai pelaku gagal mengawal emosi dan kemarahan ketika melakukan penderaan sehingga menyebabkan mangsa cedera parah atau maut (Muhammad Hafiz 2014). Statistik dan kes yang dikemukakan menunjukkan penglibatan bapa secara tidak langsung. Contoh kes penderaan fizikal terhadap anak-anak dapat dilihat menerusi kes yang berlaku di Alor Gajah di mana seorang bapa diberkas polis selepas disyaki mendera dua anak kandungnya yang berusia lapan dan sepuluh tahun di taman perumahan

Masjid Tanah. Difahamkan, dua beradik lelaki yang tinggal bersama ibu tiri dan seorang adik tiri tersebut sering dibelasah bapanya yang panas baran setiap kali pulang kerja (Ariffin Salleh 2014).

Isu personaliti bapa juga perlu ditekankan rentetan terdapat kes bapa merogol anak perempuannya sendiri seperti dalam kes sumbang mahram yang dicatatkan sebagai kes penderaan seksual (*inseks*) sebagaimana dalam kajian Salina Nen et al. (2012). Dalam kajian tersebut menunjukkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2007, mendapati statistik jenis penderaan kanak-kanak yang paling tinggi dilaporkan pada tahun 2002-2006 adalah penderaan seksual sebanyak 2,655 kes jika dibandingkan dengan kes penderaan fizikal dan pengabaian. Sementara itu, hasil kajian Kasim, Cheah & Shafie (1995) pula mendapati majoriti pelaku *inseks* adalah bapa diikuti ibu dan penjaga. Kajian tersebut turut mendapati bahawa keadaan ini berlaku disebabkan ibu bekerja meninggalkan anak untuk dijaga oleh bapa yang tidak berpengalaman atau kurang toleransi. Akibatnya, penderaan yang dilakukan secara tidak langsung memberi kesan negatif dan tekanan kurang baik dalam kehidupan anak-anak yang terlibat. Hal ini selari dengan kajian Fizwani et al. (2008) yang menyatakan bahawa sebilangan besar mangsa kes *inseks* mengalami kesan negatif yang serius sehingga memerlukan terapi apabila mereka meningkat dewasa. Antara kesan-kesan negatif termasuklah hilang kepercayaan pada orang lain, takutkan hubungan intim, murung, rasa ingin bunuh diri, tingkah laku yang merosakkan diri sendiri, keyakinan diri yang rendah, rasa bersalah dan marah, rasa terasing dari masyarakat atau keluarga, penyalahgunaan dadah, masalah pemakanan dan masalah personaliti. Pengalaman yang buruk atau *traumatic* tanpa rawatan sewajarnya boleh menyebabkan *Post Stress Traumatic Disorder* (PSTD) dan menjelaskan kesihatan mental survivor. Kesan negatif yang serius biasanya terjadi jika mangsa tidak meminta bantuan, tidak mendapatkan sokongan dan kaunseling dan dianaya dalam jangka masa yang lama.

Isu personaliti bapa juga perlu diberi perhatian agar dapat menangani isu konflik dan masalah dalam rumah tangga seperti pergaduhan dan pertelingkahan antara suami dan isteri. Hal ini boleh berlaku apabila kewajipan tidak disempurnakan dengan baik seperti suami atau bapa tidak menyediakan nafkah yang mencukupi kepada anak dan isteri serta tidak menyediakan tempat tinggal yang selesa dan kadang kala tidak menjelaskan sewa dan sebagainya. Kemuncak kepada krisis di antara suami isteri adalah bercerai (Raihanah 2013). Konflik dalam rumah

tangga yang berakhir dengan perceraian akan memberi kesan dan tekanan yang kurang baik untuk kehidupan anak-anak. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan nilai kasih sayang dalam sesebuah institusi keluarga seterusnya dapat melemahkan hasrat negara dalam usaha mencapai Wawasan 2020 kerana antara 9 cabaran Wawasan 2020 adalah memupuk kasih sayang dalam pembentukan keluarga dan masyarakat.

Kemuncak kepada isu bapa apabila melibatkan jenayah pembunuhan terhadap anak-anak. Hal ini berikutan ada bapa yang sanggup membunuh anaknya sendiri sebagaimana berlaku di Seksyen 4, Bandar Baru Bangi pada 30 Januari 2014 yang lalu. Dalam kejadian tersebut, bapa berkenaan bertindak kejam sehingga sanggup menggelar anak perempuannya yang berusia tujuh tahun sampai mati serta turut mencederakan dua lagi anak perempuannya (Siti Azielah 2014). Kes ini menjadi bukti bahawa isu personaliti bapa yang baik amat penting diberi perhatian yang serius pada masa kini demi memastikan keselamatan anak-anak terjamin. Justeru, berdasarkan perbincangan di atas berkenaan isu-isu yang melibatkan bapa, memberi gambaran umum kehilangan personaliti bapa yang baik pada masa kini. Keadaan ini berpotensi menimbulkan krisis dalam keluarga kerana kehidupan keluarga yang dilalui tidak berasaskan ajaran Islam. Hakikatnya, bapa adalah pemimpin keluarga yang perlu memberikan perlindungan kepada seluruh isi rumahnya, menjadi contoh teladan yang baik, membimbing keluarga ke jalan agama dan menjadi ketua keluarga (Amla et al. 2010).

Kajian mengenai keibubapaan telah ada dilakukan antaranya yang mengkaji mengenai kesan pencapaian akademik dan motivasi anak-anak dengan gaya asuhan ibu bapa (Spera 2006; Turner et al. 2009). Dalam kajian Mohamad Rizuan (2013) juga mendapati seramai 450 orang pelajar tingkatan empat yang dipilih daripada sekolah menengah Zon Permas Jaya, Johor menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara semua jenis gaya asuhan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian tersebut menggunakan set soal selidik sebagai instrumen utama. Sementara itu, kajian Azizi et al. (2010) terhadap 216 orang pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah di daerah Johor Bahru juga mendapati bahawa majoriti pelajar mempunyai tahap konsep kendiri akademik yang tinggi serta hubungan antara gaya keibubapaan keseluruhan dengan tahap pencapaian pelajar adalah signifikan.

Manakala dalam kajian lain seperti yang dilakukan oleh Azizi & Mohd. Sofie (2010) yang mengkaji mengenai gaya asuhan ibu bapa terhadap

tingkah laku remaja mendapati bahawa ketiga-tiga jenis gaya asuhan iaitu gaya asuhan autoritatif, gaya asuhan autotarian dan gaya asuhan permisif dapat mempengaruhi tingkah laku remaja. Kajian tersebut disokong oleh kajian Zakiyah & Ismail (2004) yang mendapati pembabitan anak-anak dalam tingkah laku delinkuensi berpunca daripada ikatan dan kawalan ibu bapa yang lemah. Kajian yang dijalankan ke atas 80 remaja berusia antara 13-18 tahun di Pusat Khidmat Kebajikan Juvana, Alor Setar, Kedah turut mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuens remaja ($p < 0.05$). Di samping itu, Wahl & Metzner (2012) serta Taylor et al. (2004) juga turut mengkaji tentang kesan gaya asuhan ibu bapa dengan pembentukan tingkah laku anak-anak. Hal ini menjelaskan bahawa banyak kajian dilakukan mengenai peranan ibu bapa dalam mencorak kecemerlangan dan tingkah laku anak-anak tetapi belum banyak kajian yang spesifik kepada peranan bapa dalam menerajui kepimpinan keluarga.

Walau bagaimanapun telah ada kajian yang dilakukan mengenai peranan bapa secara spesifik dalam pembangunan sahsiah remaja seperti kajian Amla dan rakan-rakan (2010). Kajian tersebut mendapati responden (468 pelajar) merasakan bapa mereka tidak mesra dan tidak banyak berkomunikasi dengan mereka. Mereka juga beranggapan bapa tidak banyak terlibat dalam proses pembelajaran. Kajian korelasi pula menunjukkan penglibatan bapa dalam asuhan dengan konsep kendiri pelajar lelaki adalah rendah. Hal ini secara jelas menunjukkan anak-anak sangat memerlukan sokongan bapa dalam kecemerlangan hidup mereka. Kenyataan ini disokong dalam kajian Rozumah & Nazli (1999) berkaitan dengan aspek kebapaan dan pencapaian akademik kanak-kanak bandar dan luar bandar. Hasil kajian mendapati majoriti (79.8%) responden kajian mempunyai kualiti tingkah laku kebapaan yang tinggi. Selain itu, kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara kualiti tingkah laku kebapaan responden bandar dan luar bandar; di mana kualiti tingkah laku kebapaan responden bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan responden luar bandar. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor latar belakang responden iaitu taraf pendidikan, jumlah pendapatan dan status pekerjaan mempunyai perkaitan signifikan dengan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa. Seterusnya, kajian menyimpulkan bahawa tingkah laku kebapaan mempunyai perkaitan signifikan dengan pencapaian akademik anak-anak.

Ini selari dengan kajian Alan & Jay Belsky (1989), Heman Elia (2000) dan Khuzaimah (2001)

yang menjelaskan bahawa pentingnya penglibatan bapa dalam asuhan anak-anak. Sebagai contoh, kajian Alan J. Hawkins dan Jay Belsky (1989) yang mengkaji berkaitan penglibatan bapa dalam peralihan personaliti kanak-kanak lelaki ke arah kedewasaan mendapati bahawa bapa kurang melibatkan diri dalam proses peralihan kanak-kanak lelaki disebabkan faktor kekurangan keyakinan diri. Hal ini akan mendatangkan kesulitan bagi pihak ibu bapa dan keluarga yang terlibat dalam usaha pemangkin kepada pembangunan lelaki dewasa yang sihat. Manakala, Heman Elia (2000) dalam kajiannya juga turut mengupas berkenaan kepentingan peranan bapa dalam mendidik anak-anak. Dapatkan kajian menunjukkan semakin ramai bapa masa kini kurang berperanan dalam menjalankan fungsi kebapaan khususnya terhadap aspek mendidik anak-anak. Hal ini terjadi disebabkan faktor mentaliti kaum bapa bahawa tugas mendidik anak-anak adalah tugas para ibu, bapa hanya perlu mencari nafkah. Justeru, perkara ini boleh memberikan kesan buruk kepada anak-anak sekiranya tidak diatasi dan diambil langkah-langkah mengatasinya.

Secara ringkasnya kajian-kajian terdahulu ini mengkaji mengenai peranan bapa dalam membentuk personaliti, tingkah laku dan kecemerlangan akademik anak-anak yang kesemuanya merumuskan peranan tersebut sangat penting untuk dilaksanakan oleh para bapa namun belum ada kajian yang dilakukan untuk mengkaji kefahaman dan pengaplikasian ciri-ciri personaliti bapa daripada perspektif Islam secara spesifik. Ini jelas menunjukkan bahawa kajian seumpama ini sangat perlu dilakukan dengan tumpuan kepada personaliti bapa yang diharapkan hasil kajian ini dapat menyumbang kepada pembinaan keluarga sejahtera.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Seramai 220 orang responden telah dipilih secara pensampelan rawak berlapis (*stratified random sampling*) dalam kalangan bapa yang mengikuti kursus keibubapaan/program kekeluargaan di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) cawangan Kuala Lumpur dan Selangor sepanjang tahun 2015 sehingga 2016. LPPKN dipilih sebagai kawasan kajian kerana LPPKN adalah sebuah agensi Kerajaan di bawah naungan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang aktif dan banyak menganjurkan program kekeluargaan dan

keibubapaan (Fawwaz 2015). Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini bagi pengumpulan data di lokasi ialah soal selidik. Kaedah analisis kandungan turut digunakan terhadap tafsiran al-Quran, hadis, jurnal, tesis, buku, akhbar, majalah dan kertas kerja prosiding bagi membolehkan pengkaji mendapatkan input serta data bagi menyokong daptatan kajian.

ISLAM DAN PERSONALITI BAPA

Hasil kajian dengan menggunakan metodologi analisis kandungan terhadap bahan-bahan bacaan asas berkaitan kekeluargaan Islam mendapatkan terdapat lapan ciri-ciri personaliti bapa menurut ajaran Islam. Antara ciri-ciri personaliti tersebut ialah bertanggungjawab terhadap bayi yang baru dilahirkan termasuklah mengalunkan azan sewaktu kelahiran bayi (Ali Qutb 1992; Adnan Hasan 1991), melakukan tahnik (Abdullah Nasih Ulwan 1988), memberikan nama yang baik (Adnan Hasan 1991; Abdul Halim 2010) dan melaksanakan aqiqah (Akhlaq Husain 1995; Ahmad Ghalib 1998) terhadap anak yang baru dilahirkan. Seterusnya, sabar serta ikhlas mencari rezeki dan memberi nafkah kepada anak-anak (al-Sha'rawi 2000; al-Tarairah 2008; Zulkifli al-Bakri 2010), menjadi pembimbing dan pendidik kepada anak-anak (Ishammudin 2009; Abdul Munir 2014), berdakwah ‘Amar Makruf Nahi Mungkar’ kepada anak-anak (al-Ghazali 2000; al-Zuhayli 2010, Zaydan 2002), mempamerkan contoh teladan yang baik (Asmawati 2009), bersikap adil dalam kalangan anak-anak (Habibah & Noran Fauziah 2006), bersikap penyayang (al-Istambuli & al-Syilbi 2010; Amru Khalid 2013) dan prihatin terhadap perkembangan anak-anak (Abdul Aziz 2013; Razali 2010).

Selain itu, antara lain tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti adakah ciri-ciri personaliti menurut perspektif Islam diaplikasikan dalam keluarga. Terdapat 18 item soalan dibentuk berdasarkan ciri-ciri personaliti bapa daripada perspektif Islam yang telah dikenal pasti iaitu bertanggungjawab terhadap anak yang baru dilahirkan dalam konteks mengalunkan azan, *tahnik*, pemberian nama dan aqiqah. Selain itu, sabar dan ikhlas mencari rezeki dan memberi nafkah, pembimbing dan pendidik kepada anak-anak, berdakwah ‘Amar Makruf Nahi Mungkar,’ mempamerkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak, adil dalam kalangan anak-anak, penyayang dan prihatin terhadap perkembangan anak-anak.

Analisa daptatan kajian mengenai pengaplakasian responden terhadap ciri personaliti bapa menurut

perspektif Islam mencatatkan nilai min yang tertinggi pada item mendidik anak-anak tentang akidah dan kepercayaan kepada Allah (min = 3.81), diikuti item mencari rezeki dan memberikan nafkah kepada anak-anak (min = 3.80) dan sentiasa memastikan anak-anak makan makanan yang halal (min = 3.78). Seterusnya, item “saya mengalunkan azan dan iqamah kepada anak saya yang baru dilahirkan” (min = 3.76), “saya seorang bapa yang penyayang” (min = 3.67), “saya bersikap adil kepada semua anak-anak” (min = 3.64), “saya mendidik anak-anak tentang akhlak dan adab-adab Islam” (min = 3.61), “saya melaksanakan aqiqah untuk anak saya” (min = 3.60), “saya mengambil tahu prestasi akademik anak-anak” (min = 3.54), “saya mengetahui makna setiap nama anak saya” (min = 3.53), “saya mendidik anak-anak tentang ibadah solat seawal umur 7 tahun” (min = 3.50), “saya menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak” (min = 3.49), “saya meluangkan waktu bersama dengan anak-anak” (min = 3.47), “saya melakukan tahnik kepada anak saya” (min = 3.33), “saya tahu bakat dan kecenderungan anak saya” (min = 3.31), “saya berbincang dengan anak-anak sebelum saya menghukum mereka” (min = 3.28), “saya memilih waktu sesuai untuk menasihati anak-anak” (min = 3.27). Manakala, item “saya mudah marah apabila anak-anak melakukan kesilapan” pula mencatatkan skor min yang paling rendah (min = 2.55) iaitu sebanyak 49.5% (109 orang).

Hasil kajian mendapatkan ciri utama personaliti bapa yang diaplikasi oleh responden dalam keluarga adalah mendidik anak-anak tentang akidah dan kepercayaan kepada Allah (min = 3.81). Dapatan ini disokong oleh Arifin & Adnan (2013) yang menyatakan dalam konteks pendidikan akidah kepada anak-anak, teras utama pendidikan nilai yang ditekankan ialah dengan berpegang teguh kepada Allah SWT serta tidak mensyirikkan-Nya. Abdullah Nasih Ulwan (1988) juga menambah bahawa bapa perlu melengkapkan anak-anak dengan kefahaman-kefahaman yang berasal daripada pendidikan keimanan, membiasakan diri dengan asas-asas pengajaran Islamiah dan mencintai Rasulullah SAW serta ahli keluarga baginda sejak dari kecil hingga anak itu membesar. Ini selaras dengan cara didikan Lukman kepada anak-anaknya supaya tidak mempersekuatkan Allah kerana perbuatan syirik tersebut adalah suatu kezaliman yang besar sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Lukman ayat 31 yang bermaksud, “dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya

perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”

Di samping itu, daptan kajian menunjukkan majoriti responden bertanggungjawab mencari rezeki dan memberikan nafkah kepada anak-anak ($\text{min} = 3.80$). Daptan ini disokong oleh Badruddin dan Azizah (2013) yang menjelaskan bahawa tanggungjawab bapa untuk menyediakan nafkah kepada anaknya adalah wajib sebagaimana pendapat majoriti fuqaha. Selagi bapa memiliki lebihan harta dan berkeupayaan untuk bekerja, ia bertanggungjawab untuk berbuat demikian. Tanggungjawab ini tidak akan terhenti dengan sendirinya melainkan si bapa jatuh miskin serta tidak mampu untuk mencari nafkah disebabkan kecacatan fizikal dan mental. Hal ini menunjukkan selagi bapa mempunyai keupayaan untuk bekerja, ia perlu bekerja untuk memperoleh pendapatan supaya dapat menyara diri dan juga ahli keluarganya. Jika bapa berkenaan enggan bekerja, ia boleh dipaksa untuk bekerja sebagaimana pendapat majoriti ulama’ atau jika tidak, ia boleh dipenjarakan. Ini selaras dengan al-Quran yang menuntut para bapa memberi nafkah menurut kemampuannya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Talaq 65:7) yang bermaksud, “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu).”

Daptan ini juga selari dengan ajaran Islam sebagaimana dinyatakan oleh al-Sha‘rawi (2000) dan al-Tarairah (2008) bahawa bapa bertanggungjawab mencari rezeki dan memberi nafkah terhadap ahli keluarga termasuklah nafkah makan, minum, penjagaan pakaian, keperluan hidup, dan tempat tinggal. Meskipun majoriti responden dalam kajian ini bersetuju bahawa mereka memberi nafkah kepada anak-anak, namun masih terdapat segelintir responden kajian yang mengabaikan aspek ini (2.8%, 6 orang). Hal ini disokong oleh Heman Elia (2000) yang menjelaskan bahawa bapa masa kini tidak memberi nafkah sebagaimana sewajarnya bahkan ibu pula terpaksa memikul beban tanggungjawab tersebut. Dalam kajian Hamidah (2008) juga menjelaskan bahawa pengabaian tanggungjawab sama ada daripada pihak suami maupun pihak isteri berupaya menjadi faktor utama dalam kes perceraian. Responden dalam kajianya memberi skor min yang tinggi (3.4) kepada faktor sub-skala tanggungjawab iaitu pasangan sering mengabaikan tanggungjawab menguruskan keluarga. Justeru, aspek pengabaian nafkah oleh pihak bapa pada masa kini perlu diberi perhatian serius kerana ia dapat menjadi permasalahan dan pergolakan dalam

institusi kekeluargaan sekiranya tidak ditangani dengan baik. Responden kajian juga faham bahawa mereka perlu memastikan anak-anak makan makanan yang halal ($\text{min} = 3.78$). Daptan ini disokong oleh Ahmad Ghalib (1998) yang menjelaskan bahawa bapa mithali perlu memastikan nafkah yang diberikan kepada anak-anak adalah halal.

Di samping itu, responden dalam kajian ini juga faham dan menunaikan tanggungjawab bapa terhadap anak-anak yang baru dilahirkan seperti mengalunkan azan dan iqamah ($\text{min} = 3.76$), mengetahui makna setiap nama anak ($\text{min} = 3.53$), melakukan tahnik ($\text{min} = 3.33$) dan melaksanakan aqiqah ($\text{min} = 3.60$). Daptan ini selari dengan ciri personaliti bapa daripada perspektif Islam sebagaimana dinyatakan oleh Ali Qutb (1992), Adnan Hasan (1991), Abdullah Nasih Ulwan (1988) dan Ahmad Ghalib (1998) bahawa disunnahkan kepada bapa untuk memperdengarkan azan di telinga kanan serta membisikkan iqamah pada telinga kiri. Kemudian, anak tersebut perlu ditahnikkan dengan benda manis lalu diberikan dengan nama yang baik sebagaimana anjuran Rasulullah SAW. Dalam Sahih Bukhari dan Muslim diterangkan bahawa Rasulullah SAW didatangi Asma binti Abu Bakar dengan membawa Abdullah bin Zubair yang baru dilahirkan. Kemudian, diletakkan di pangkuhan Rasulullah SAW dan baginda meminta sebutir kurma dan mengunyahnya. Lalu, Rasulullah SAW menuapkan kurma ke mulut Abdullah dan mendoakannya (Adnan Hasan 1991). Bapa juga digalakkan melakukan aqiqah dengan menyembelih kambing kerana kelahiran anak jika mampu. Namun demikian, masih kedapatan bapa yang tidak menunaikan tanggungjawab mengalunkan azan ketika anak dilahirkan (2.7%, 6 orang) dan tidak tahu makna nama anak yang diberikan (9.6%, 21 orang). Walhal, seharusnya kedua-dua perkara asas tersebut perlu diberi perhatian kerana ia adalah ukuran dan langkah awal untuk menjadi bapa yang baik dan bertanggungjawab.

Daptan kajian juga menunjukkan responden faham bahawa mereka perlu mendidik dan membimbing anak-anak terutamanya dalam aspek ibadah ($\text{min} = 3.50$) mahupun akhlak Islam ($\text{min} = 3.61$). Ia selari dengan hasil kajian Ishammudin (2009), Abdul Munir (2014) dan Rosnaaini et al. (2012) yang menjelaskan bahawa asas pendidikan kepada anak-anak adalah berdasarkan kepada tiga prinsip kukuh iaitu aspek akidah, ibadah dan akhlak seperti mana dilakukan oleh Luqman al-Hakim dalam kisah yang terdapat dalam al-Quran pada surah Lukman (31:17) yang bermaksud, “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah

berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.”

Kajian juga mendapati responden mengaplikasikan ciri personaliti bapa mithali dengan bersikap adil terhadap semua anak-anak ($\text{min} = 3.64$). Hal ini selaras dengan penulisan Ali Qutb (1992) & Ahmad Ghalib (1998) yang menyatakan bahawa bapa mithali perlu bersikap adil kepada anak-anak sama ada lelaki dan perempuan dalam semua aspek seperti pemberian kasih sayang, pendidikan, keperluan asas, makanan dan tempat tinggal. Selain itu, responden juga mempunyai personaliti bapa yang penyayang ($\text{min} = 3.67$). Ini bertepatan dengan tulisan al-Istambuli & al-Syilbi (2010) yang menjelaskan bahawa bapa mithali sentiasa melayani dan mengasuh anak-anak dengan penuh kasih sayang, cinta, keramahan dan kelembutan. Bahkan, bapa mithali akan sentiasa mencari peluang untuk menghabiskan masa bersama-sama anak dan ahli keluarga sama ada melakukan aktiviti bersama, bermain, berkomunikasi dan sebagainya (Yusuf Ba'daroni 1996; Abdul Aziz 2013; Heman Elia 2000). Rasulullah SAW sendiri suka melayani kanak-kanak dengan penuh kasih sayang. Contohnya, baginda sering mencium, menggendong, memangku dan mengusap-usap kepala Hasan dan Husin serta anak sahabat baginda (Hadad Alwi 2011; Ahmad Zahiruddin 2013).

Meskipun item “saya mudah marah apabila anak-anak melakukan kesilapan” mencatatkan skor min paling rendah ($\text{min} = 2.55$), namun seramai 49.5% (109 orang) dalam kalangan responden bersetuju dengan item ini. Ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada responden dalam kalangan bapa mempunyai personaliti mudah marah kepada anak-anak. Justeru, sikap panas baran yang jelas membawa kesan buruk kepada anak-anak wajar dihindar segera oleh bapa dengan cara membaca *istia'zah*, duduk jika berdiri, berbaring dan mengambil wuduk jika berlarutan (Abdul Qadir t.th) agar suasana aman, tenteram, tenang dan berkasih sayang dalam keluarga dapat dihidupkan. Secara ringkas, hasil kajian ini membuktikan bahawa responden memahami ciri-ciri personaliti bapa menurut perspektif Islam kerana semua item mencapai nilai min antara 2.58-3.85. Hasil kajian juga secara umum menggambarkan majoriti para bapa faham tanggungjawab sebagai seorang bapa dan merealisasikannya dalam kehidupan berkeluarga.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian menunjukkan ciri-ciri personaliti bapa menurut perspektif Islam adalah bertanggungjawab terhadap anak yang baru dilahirkan dalam konteks mengalunkan azan, *tahnik*, pemberian nama dan aqiqah. Selain itu, sabar dan ikhlas mencari rezeki dan memberi nafkah, pembimbing dan pendidik kepada anak-anak, berdakwah ‘Amar Makruf Nahi Mungkar,’ mempamerkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak, adil dalam kalangan anak-anak, penyayang dan prihatin terhadap perkembangan anak-anak. Hasil kajian juga secara jelas menunjukkan para bapa faham tentang tanggungjawab sebagai seorang bapa dan mengaplikasikan elemen-elemen yang seharusnya dimiliki oleh bapa menurut Islam dalam keluarga mereka. Ini berikutnya skor min setuju yang dicatatkan kesemuanya berada pada tahap yang tinggi.

Implikasi kajian diharap dapat memberikan motivasi kepada kaum bapa untuk mengetahui seterusnya mengamalkan ciri-ciri personaliti bapa yang baik sebagaimana sunnah Rasulullah SAW. Personaliti kebapaan yang diketahui seterusnya diamalkan dalam keluarga diharap dapat membimbing masyarakat Muslim ke arah kesejahteraan dalam hidup. Kajian ini seterusnya mencadangkan pihak bapa agar mengambil inisiatif tertentu untuk memperkuatkan personaliti seperti muhasabah diri, mendalami ilmu agama, mendapatkan sokongan sosial dan motivasi daripada isteri, ahli keluarga, jiran dan rakan-rakan serta melibatkan diri dalam program keibubapaan. Kesemua usaha ini diharap dapat membantu para bapa untuk memiliki personaliti yang baik seperti mana anjuran Islam.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abd. Rauf Haji Hassan, Abdul Halim Salleh & Khairul Amin Mohd Zain. 2005. *Kamus Bahasa Melayu-Arab, Bahasa Arab-Melayu*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Ismail. 2013. *Indahnya Akhlak Warisan Rasulullah*. Kuala Lumpur: Power Press & Design.
- Abdul Halim, Abdullah Muhammad Sa'id. 2010. *al-Huquq al-Mutabaddalah baina al-'ba'wa al-Abna'*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyah.
- Abdul Munir Ismail. 2014. *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Qadir. t.t. *Akhlaq yang Murni*. Johor: Perniagaan Jahabersa.

- Abdullah Nasih Ulwan. 1988. *Tarbiyah al-Aulad fi al-Islam*. Terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka National.
- Adnan Hasan Shalih Baharits. 1991. *Mas'uliyah Abi al-Muslim fi Tarbiyyah Walad fi Marhalah al-Tufulah*. Jeddah: Darul Mustama.
- Ahmad Ghlib. 1998. *Membina Generasi Berakhlik*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.
- Ahmad Zahiruddin. 2013. *Hebatnya Rasulullah Teladani Peribadi & Pengurusan Kekasih Allah*. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.
- Akhlaq Husain. 1995. *Muslim Parents Their Rights and Duties*. Delhi: S. Sajid Ali Adam Publishers & Distributors.
- Alan, J. Hawkins & Jay Belsky. 1989. The role of father involvement in personality change in men across the transition to parenthood. *National Council on Family Relations* 38(4): 378-384.
- Ali Qutb, Muhammad. 1992. *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Amla Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud & Abd. Aziz Mahyuddin. 2010. Peranan bapa dalam pembangunan sahsiah remaja dan implikasinya terhadap nilai kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): 9-17.
- Amru Khalid. 2013. *Semulia Akhlak Nabi*. Solo: Aqwam Syarikat Penerbit Islam.
- Ariffin Salleh. 2014. Bapa baran dera dua anak. *Harian Metro*. 2 September.
- Arifin & Adnan. 2013. Aplikasi nilai-nilai murni berlandaskan tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Quran sebagai asas pendidikan. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan* 6(2): 135-139.
- Asmawati Suhid. 2009. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam, Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari. 2010. *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan
- Azizi Yahaya, Yusof Boon & Kamaliah Noordin. 2010. *Hubungan antara Konsep Kendiri, Motivasi dan gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar*. Skudai Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahya. 2010. *Keluarga Dalam Pembentukan Moral*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Balan Rathakrishnan & Rahimah Abd Rahim. 2010. Etnik dan gaya keibubapaan ke atas penglibatan pelajar dalam penagihan dadah: Satu kajian awal di Sabah. *Jurnal Antidadah Malaysia* (1): 123-141.
- Badruddin Hj Ibrahim & Azizah Mohd. 2013. Hak anak terhadap nafkah dalam perundangan Islam: Sejauh manakah bapa bertanggungjawab menanggung nafkah anaknya. *Makalah Kanun* (2): 255-272.
- Broberg, G. C. 1988. Fatherhood: Rediscovered in empirical research. *Family Perspective* (22): 75-85.
- Fawwaz Hasbullah. 2015. Pendekatan Program dan Modul LPPKN Kepada Bapa. Kuala Lumpur. Temu bual, 15 Januari.
- Fizwani M. Sarkawi, Suhana Sarmadan, Mohamed Sharif Mustaffa & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2008. Mengenal pasti punca-punca dan Kaedah Menangani Tingkahlaku Sumbang Muhram. *Kertas kerja Seminar Kaunseling Keluarga*, 30 Ogos 2008, Johor Bahru.
- al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Bin Ahmad. 2000. *Ihya 'Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al Taqwa li al-Turath.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub. 2006. *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hadad Alwi. 2011. *Uswatun Hasanah*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Hamidah Ab. Rahman. 2008. Faktor penyumbang kepada masalah keluarga tunggal dan perceraian: Kajian kes di Johor Darul Takzim. Dlm. *Isu-isu Sosial*, disunting oleh Hamidah Ab. Rahman. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Heman Elia. 2000. Peran ayah dalam mendidik anak. *Veritas: Jurnal Teologi dan Pelayanan* (1): 105-113.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad. t.t. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ishammudin Ismail. 2009. *Kaunseling Keibubapaan*. Selangor: Aras Mega Enterprise.
- al-Istambuli, Muhammad Mahdi & al-Syilbi, Musthafa Abu Nashr. 2010. *Isteri dan Puteri Rasulullah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Izzah Nur Aida Zur Raffar & Salasiah Hanin Hamjah. 2015. Personaliti bapa daripada perspektif Islam. *Global Journal al-Thaqafah* 5(2): 89-97.
- Kasim, M. S., Cheah, I. & Shafie, H. M. 1995. Childhood death from physical abuse. *Child Abuse & Neglect* 19: 847-854.
- Khuzaimah, Z. 2001. Pengaruh Sikap dan Cara Gaya Kebapaan Terhadap Salah Laku Remaja Melayu Bersekolah. Disertasi Sarjana. Universiti Putera Malaysia, Selangor, Malaysia.
- al-Mawrid, M. B. 2005. *Kamus*. Beirut: Dar Ulum li al-Malayiin,
- Mohd. Nasir Omar. 2005. *Akhlik dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamad Rizuan bin Abdullah. 2013. Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa dengan Tahap Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Sarjana. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Hafiz Nawawi. 2014. Teropong jenayah. *Metro Ahad*, 7 September.
- Qutb, Sayyid. 2000. *Tafsir Fi Zilalil Qur'an*. Terj. Yusoff Zaky Yacob. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Raihanah Azahari, Bahiyah Ahmad, Asmak Rahman. 2012. Penentuan kadar kifayah dan maruf nafkah anak

- dan isteri: Kajian terhadap penghakiman Mahkamah Syariah. *Jurnal Syariah* 1: 59-66.
- Ratna Roshida & Nik Haslinda. 2007. Peranan institusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan* 9: 73-82.
- Razali Saaran. 2010. *Hebatnya Cara Rasulullah Mendidik*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.
- Rosnaaini, Suhanim & Syahrul Faizaz. 2012. *Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Lukman*. Sintok: Penerbit UUM.
- Rozumah Baharudin & Nazli @Nazlina Maliki. 1999. Kebapaan dan pencapaian akademik kanak-kanak bandar dan luar bandar. *Jurnal Pendidik dan Pendidik* (16): 61-83.
- Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Suzana Mohd Hoesni & Zaizul Abdul Rahman. 2012. Kajian kes inses bapa-anak perempuan: Memahami pengalaman dari perspektif mangsa. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 46-58.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. 2007. *Teori Personaliti dari perspektif Islam, Timur & Barat*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Sekaran, U. 2003. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Singapore: John Wiley & Sons.
- al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. 2000. *Ahkam al-Usrah wa al-Bait al-Muslim*. Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami.
- Siti Azielah Wahi. 2014. Bapa didakwa bunuh anak, Cedera Anak. *Sinar Harian*, 7 Februari.
- Spera, C. 2006. Adolescents' perceptions of parental goals, practices and styles in relation to their motivation and achievement. *Journal of early Adolescence* 26(4): 450-490.
- Taylor, L.C., Clayton, J.D. & Rowley, S.J. 2004. Academic socialization: Understanding parental influences on children's school-related development in the early years. *Review of General Psychology* 8(3): 163-178.
- al-Tarairah, Muhammad Mahmud Ahmad. 2008. *al-Ahkam al-Khasah bi al-'Alaqah baina al-Aba' wa al-Abna'*. Urdun: Dar al-Nafais.
- Turner, E.A., Chandler, M. & Heffer, R.W. 2009. The influence of parenting styles, achievement motivation and self efficacy on academic performance in college students. *Journal of College Student Development* 50(3): 337-346.
- Wahl, K. & Metzner, C. 2012. Parental influences on the prevalence and development of child aggressiveness. *Journal of Child and Family Studies* 21(2): 344-355.
- Waren, H. C. & Carmichael, L. 1930. *Elements of Human Psychology*. New York, USA: Houghton & Mifflin.
- Yusuf Ba'daroni. 1996. *al-Ibnu ma'a Abihī wa Ummīhi*. Beirut: Dar al-'Ulum li al-Malayin.
- Zakiyah Jamaluddin & Ismail Kiprawi. 2004. *Ikatan Dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens*. Universiti Utara Malaysia: Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia.
- Zaydan, Abdul Karim. 2002. *Usul al-Dakwah*. Terj. Solehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2010. *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2010. *Sistem kekeluargaan dalam Islam*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Izzah Nur Aida Zur Raffar
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 Bangi, Selangor.
izzahmujahidah@yahoo.com.my
- Salasiah Hanin Hamjah
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 Bangi, Selangor.
salhanin@ukm.edu.my